

METODOLOGI PEMILIHAN PEMIMPIN DALAM PILIHAN RAYA MENURUT SIYASAH SHAR'IYYAH

Oleh:

Mohd Azhar bin Abdullah¹

Muhammad Lukman bin Ibrahim²

Abstrak

Tulisan ini mengemukakan garis panduan kepada masyarakat khususnya dan pemimpin amnya untuk memilih pemimpin yang akan bertanggungjawab dalam pemerintahan sesebuah negeri dan negara berdasarkan metodologi Siyasah Shar'iyah. Perbincangan ini sekali gus menghuraikan pandangan syarak terhadap penubuhan parti politik, penyertaan dalam pilihan raya dan pengundian serta tatacara pemilihan pemimpin yang tepat bagi merealisasikan negara yang memenuhi tuntutan Maqasid Shar'iyah.

PENDAHULUAN

Allah S.W.T menjamin keteguhan sebuah negara adalah kerajaan yang ditegakkan berdasarkan sistem *Siyasah Shar'iyah*.³ Jaminan keteguhan ini tidak muncul berdasarkan usaha dan kebijaksanaan manusia semata-mata, tetapi berkait rapat sejauh mana komitmen pemimpin negara melaksanakan perintah-perintah Allah S.W.T. Kepincangan pelaksanaan *Siyasah Shar'iyah* pasti mengakibatkan ketidakseimbangan dan kehancuran sebuah kerajaan, walau sekuat manapun politik, ketenteraan

¹ Mohd Azhar bin Abdullah, PhD, Timbalan Ketua Eksekutif (HEP), Pensyarah Jabatan Al-Dakwah Wal Qiadah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan.

² Muhammad Lukman bin Ibrahim, PhD, Pensyarah Kanan, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³ Zulqarnain Hassan (2011), "Negara Berkebajikan Menurut Perspektif *Siyasah Shar'iyah*" dalam "*Pelaksanaan Siasah Syar'iyah Dalam Konteks Semasa*". Kota Bharu: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), h.68.

dan ekonominya.⁴ Realiti ini telah menimpa kerajaan besar lampau seperti dinasti Firaun di Mesir dan kerajaan Saba' di Yaman. Malah, mutakhir ini kita menyaksikan kejatuhan pemimpin-pemimpin besar Arab bermula bulan September 2010 di Tunisia, Mesir dan Libya.

Berdasarkan pemerhatian umum, gelombang reformasi di rantau Arab mutakhir ini memberikan petunjuk yang jelas terhadap kecenderungan meluap-luap umat Islam, khususnya di negara-negara Arab mula beralih daripada pemimpin beraliran Barat kepada pemimpin beraliran Islamik.⁵ Di Tunisia, parti al-Nahdah beraliran Islam menang besar dalam pilihan raya pada 24 Oktober 2011 dan melantik Rasyid Ghanouchi sebagai Perdana Menteri menggantikan Zainal Abidin bin Ali yang telah digulingkan daripada parti Neo-Destour yang beraliran pro-Barat.⁶ Manakala di Mesir, parti-parti beraliran Islam mendapat sokongan 65.25% dalam pilihan raya pusingan pertama,⁷ di mana Dr. Muhammad Mursi calon parti Ikhwan Muslimin mendahului calon-calon lain dengan kemenangan 24.7%.⁸ Kemenangan tersebut membawa kepada kemenangan pilihan raya pusingan kedua yang membawa kepada pengumuman Dr. Muhammad Mursi sebagai Presiden Mesir menggantikan Husni Mubarak.⁹

Senario di rantau Arab ini menarik perhatian di mana umat Islam Islam kini sedang mencari alternatif baru bagi menyandarkan masa depan negara yang lebih bersih, telus dan adil. Namun persoalan besar yang berbangkit, apakah sistem pentadbiran baru dan pemimpin alternatif yang

⁴ Keyakinan ini diingatkan oleh al-Mughirah bin Shu'bah terhadap keangkuhan Parsi. Abu Osman al-Nahdi menceritakan tatkala al-Mughirah sampai di Qantarah, beliau telah diutus untuk berunding dengan Rustum. Para pembesar Rustum didapati berpakaian indah, dihampari permaidani dan berkeadaan serba mewah. Tindakan al-Mughirah duduk di atas kerusi Rustum menyebabkan pembesar Rustum marah lalu menariknya dengan biadab. Al-Mughirah berkata; "Kami sesama Islam adalah bersaudara, tiada perhambaan sesama manusia. Jika beginilah keadaan kamu, aku melihat kamu dalam kucar-kacir, dan kerajaan dalam keadaan begini pasti akan kalah kerana tiada sebuah kerajaan yang seperti ini mampu bertahan lama." Kenyataan ini adalah benar, kerana keangkuhan Parsi akhirnya ditewaskan walaupun mempunyai kekuatan 120,000 tentera berbanding 30,000 tentera Islam sahaja yang dipimpin oleh Sa'ad bin Abi Waqqas pada tahun 636 M.

⁵ Gelombang ini dikesan mula merebak, terutama dalam kalangan generasi muda bermula tahun 1970-an dengan kebangkitan republik Islam Iran. Lihat: Dr. Muhammad Abdul Rauf (1994), *Ummah Negara Islam* (terj. Padilah Haji Ali). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

⁶ http://ms.wikipedia.org/wiki/Parti_Ennahda. Akses: 20 April 2012.

⁷ Laporan, *Egypt's Election Commission*.

⁸ Berita Harian, 28 Mei 2012.

⁹ Sinar Harian, 24 Jun 2012.

paling sesuai yang boleh diberikan kepercayaan kepimpinan dan apakah metodologi yang efektif dan relevan bagi merealisasi impian tersebut. Masyarakat perlu berwaspada dalam memenuhi impian baru jangan tertimpa bidalan Melayu; "*terlepas daripada mulut singa tapi terjun ke dalam mulut buaya*". Dengan maksud yang lain, kezaliman dahulu dibuang tetapi ditukar dengan kezaliman bentuk baru.

Hal ini pasti berlaku jika rakyat dan pemimpin tidak kembali semula kepada konsep negara dan kepimpinan yang tepat. Dalam mencari alternatif politik baru ini, masyarakat sama ada beragama Islam atau bukan Islam tiada banyak pilihan kecuali kembali menyandarkan kepercayaan kepada politik Islam setelah percubaan menggunakan sistem kapitalis, sekular, sosialis dan demokrasi Barat gagal mengurus negara dengan sempurna.

MEKANISME KECERDASAN MANUSIA BERTINDAK

Seruan menyandarkan kepercayaan kepada kepimpinan Islam bukan sekadar mencari alternatif baru semata-mata, tetapi demi kelangsungan masyarakat dan generasi baru. Ia adalah satu gerakan jihad mengembalikan Islam di tempat asalnya. Ia bukan mencipta suatu yang baharu yang perlu dibimbingi oleh sesiapa, termasuk masyarakat bukan Islam, tetapi meletakkan negara pada asas yang tepat dan kesinambungan daripada gagasan negara adil, bebas dan maju yang dunia pernah kecapai dalam lipatan sejarah.¹⁰ Bertolak daripada kesedaran mendalam ini, timbul persoalan besar apakah metodologi relevan untuk dijadikan asas bertindak rakyat dan pemimpin mencapai impian tersebut. Dalam mencapai objektif ini, ahli-ahli psikologi mendapati manusia bertindak berdasarkan tiga kecerdasan:¹¹

- i) "*What do you think*" (apa yang anda fikir), iaitu disebut juga dengan kecerdasan intelektual. Kecerdasan ini dikuasai oleh minda sadar atau minda separa sadar.¹² Ia memberikan manusia

¹⁰ Gustave Le Bone seorang ahli sosiologis Perancis menjelaskan tiada mana-mana tamadun mampu menandingi Islam yang dibawa Muhammad dan pengikutnya. Tamadun Islam bangkit dalam masa 23 tahun sahaja dan dalam masa 50 tahun mereka telah menguasai dua pertiga dunia sedangkan tamadun lain memerlukan lebih kurang 1000 tahun. Lihat: H. Zainal Abidin (t.t), *Sejarah Hidup Nabi Muhammad SAW*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, j. 1, h. 59.

¹¹ Ary Ginanjar Agustian (2005), *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spritual*. Jakarta: Arga, h. 40.

¹² Minda sadar berfungsi di alam fizikal melalui pengawalan lima pancaindera, iaitu penglihatan, pendengaran, bau, rasa dan sentuhan. Minda separa sadar bertugas

kuasa mendapatkan maklumat, menganalisis, merumus dan membuat keputusan.

- ii) "*What do you feel*" (apa yang anda rasa) iaitu disebut kecerdasan emosi.¹³ Kecerdasan ini dikuasai nafsu syahwat yang amat cenderung kepada kejahatan.
- iii) "*Who am I*" (siapa diri saya), iaitu disebut juga kecerdasan spiritual. Ia mendorong manusia memahami hakikat kehidupan hakiki, daripada mana ia datang, untuk apa ia dihidupkan dan ke mana ia akan pergi selepas ini.¹⁴

Daripada tiga kecerdasan di atas, adalah mustahil untuk berjaya jika seseorang menggunakan satu kecerdasan sahaja kerana ketiga-tiga kecerdasan itu mempunyai pertalian erat antara satu sama lain dan mempunyai peranan tersendiri. Sudah pasti dengan menggunakan intelektual sahaja dengan menolak peranan emosi dan spiritual akan menjadi kosong. Negara berdasar intelektual semata-mata adalah negara tidak beremosi. Begitu juga manusia gagal dalam mencapai impian hakiki jika seseorang menggunakan pengaruh emosi sahaja. Ini disebabkan fitrah emosi dikuasai oleh dorongan-dorongan haiwani yang condong ke arah kejahatan. Kajian ahli psikologi mendapati 80% manusia bertindak berdasarkan emosi manakala kecerdasan intelektual hanya 8%.¹⁵ Manakala al-Quran terlebih awal menjelaskan tabiat emosi condong ke arah kejahatan. Firman Allah s.w.t (Yusuf (12): 53)

إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي

mengawal aktiviti organ dan tisu badan secara semulajadi tanpa kita sedari. Aktivitinya melibatkan emosi dan perasaan. Ia menjalankan tugas melalui aktiviti denyutan jantung, mengatur sistem aliran darah, sistem pencernaan dan lain-lain. Lihat: Mohd Rozani Pawan Chek (2009), *Kuasa Minda Separa Sedar*. Kuala Lumpur: PTS, h. 1.

¹³ Azizi Yahya memilih definisi yang dikemukakan oleh Goleman iaitu "kecerdasan emosi adalah kemampuan untuk mengawal dan mengelolakan diri sendiri dan orang lain dari aspek perasaan, emosi dan tingkah laku. Ia juga merupakan tindakan dan kepintaran untuk mengubahsuai sesuatu tingkah laku bersesuaian dengan masa dan keadaan". Lihat: Azizi Yahya (t.t), *Kecerdasan Emosi*. Melaka: UITM, h. 1.

¹⁴ Muhammad Zuhri mendefinisikan kecerdasan spiritual sebagai kecerdasan manusia berhubung dengan Tuhan.

¹⁵ Azizi Yahya dll, kertas kerja bertajuk: "*Hubungan Kecerdasan Emosi dan Pencapaian Prestasi Akademik*". Melaka: UITM, h. 2.

Maksudnya: "*Sesungguhnya nafsu itu selalu sangat mendorong kepada kejahatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhanku.*"

Berdasarkan rangka pemikiran di atas, kita dapati bahawa kuasa intelektual dan emosi tidak mampu bertindak secara adil dan bijaksana. Kedua-dua kecerdasan itu amat berhajat kepada kecerdasan ketiga, iaitu kecerdasan spiritual yang menjawab seluruh persoalan hidup mereka.¹⁶ Bertolak dari kecerdasan spiritual ini manusia mencari nilai sejati dirinya sendiri, atau kebenaran. Dalam usaha pencarian erti-erti kebenaran dalam kehidupan inilah manusia akan tersesat juga jika tidak dipimpin oleh sumber-sumber yang tepat. Dalam keadaan ini, manusia mempunyai dua sumber rujukan sahaja sama ada;

- (i) Sumber intelektual (sumber *aqli*) dan apa-apa yang terbit daripadanya sama ada peristiwa-peristiwa atau kajian-kajian yang membentuk pengalaman atau perumusan akademik. Intelek ada kelebihan dan kelemahannya. Peranan utama intelek ialah medium menerima maklumat, memproses, menganalisis dan membuat keputusan. Tetapi minda terdapat banyak kelemahan kerana potensinya terbatas kepada perkara-perkara yang diperolehi pancaindera. Kerana itu, ilmu daripada intelek boleh jadi betul atau silap.
- (ii) Sumber wahyu (sumber *naqli*) iaitu al-Quran dan hadith, atau apa-apa sumber yang terbit daripada wahyu seperti ijmak, qiyas dan *masalih mursalah*. Sumber ini daripada Allah S.W.T dan Rasulullah SAW yang tentunya tiada apa-apa kelemahan, malah ilmunya komprehensif dan tiada batasan serta terjamin daripada sebarang kesilapan. Kalau terdapat kesilapan, itu adalah daripada sebab kemanusiaan yang gagal memahami mesej wahyu secara tepat, bukan kesilapan wahyu sama sekali.

Sehubungan itu, secara logiknya manusia tidak boleh berpegang kepada kajian intelektual semata-mata dengan tidak mempedulikan pandangan-pandangan wahyu. Intelektual berhajat kepada sumber wahyu bagi menjamin ketepatan menganalisis dan perumusan. Atas objektif ini wahyu berfungsi mengintegrasikan kecerdasan intelektual, emosi dan spiritual ke arah kebenaran hakiki.¹⁷ Berhubung dengan isu ini, Allah s.w.t berfirman:

¹⁶ Fathul Hud Sufnawan dll, kertas kerja bertajuk *Pengaruh Kecerdasan Emosional dan Spiritual Auditor Terhadap Kinerja Auditor Dalam Kanto Publik*. Jakarta: T.pt, h. 1.

¹⁷ Ary Ginanjar Agustian (2005), *op. cit.*, h. 40.

يٰۤاٰوَدُ اِنَّا جَعَلْنٰكَ خَلِيْفَةً فِى الْاَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوٰى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيْلِ اللّٰهِ ۚ اِنَّ الَّذِيْنَ يَضِلُّوْنَ عَنْ سَبِيْلِ اللّٰهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيْدٌۢ بِمَا نَسُوْا يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: "Hai Daud, sesungguhnya kami menjadikan kamu khalifah di muka bumi, maka berhakimlah di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan." (Sad: 26)

Ayat di atas menjelaskan metodologi wahyu memimpin tatacara bertindak Nabi Dawud a.s untuk mencapai kebenaran dalam pemerintahan adalah jangan membabi buta menuruti dorongan-dorongan emosi. Kebenaran akan dicapai daripada kemampuan mempertimbangkan dorongan-dorongan emosi yang memancar kebijaksanaan intelektual dan pengertian spiritual yang mengingatkan azab yang amat pedih pada hari kiamat.

METODOLOGI SIYASAH SHAR'IYYAH ASAS PEMILIHAN PEMIMPIN

Lanjutan daripada rangka pemikiran di atas, memberikan satu jawapan yang meyakinkan bahawa manusia perlu bertindak berdasarkan intelektual, emosi dan spiritual yang dipimpin oleh wahyu bagi menjamin kebenaran hakiki. Daripada metodologi ini akan memandu jalan-jalan yang tepat kepada sebuah negara impian yang dipenuhi keadilan, kebebasan dan kesejahteraan.

Sejajar dengan realiti ini, Islam menampilkan satu sistem politik unik dan istimewa yang diistilahkan sebagai *Siyasah Shar'iyah*. Ibn 'Aqil al-Hanbali (431H-513H) antara ulama terawal yang mengemukakan takrif *Siyasah Shar'iyah* secara spesifik, iaitu tindakan yang mendekatkan manusia bersamanya kepada kebaikan dan menghindarkan mereka daripada kemusnahan walaupun tindakan tersebut tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW dan tidak turun wahyu tentangnya¹⁸

¹⁸ Ibn al-Qayyim (t.t), *al-Turuq al-Hukmiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr, h. 47.

Manakala Syeikh 'Abd al-Wahhab Khallaf seorang ulama Universiti al-Azhar memberikan takrif lebih jelas yang menumpukan aspek pentadbiran negara Islam iaitu menjalankan pentadbiran awam sebuah negara Islam berdasarkan sesuatu yang menjamin kebaikan dan mengelakkan keburukan di mana ia tidak terkeluar dari batas-batas syariat dan dasar-dasar umumnya, walaupun perkara itu tidak menepati pendapat para imam mazhab.¹⁹

Berdasarkan dua definisi tersebut dirumuskan bahawa *Siyasah Shar'iyah* adalah satu sistem mencakupi seluruh pengurusan dan pentadbiran kenegaraan. Ia memandu seluruh kegiatan kerajaan dalam pemerintahan negara dan mentadbir urusan awam berlandaskan al-Quran, hadith dan ijtihad demi menjamin kemaslahatan awam dunaiwi dan ukhrawi. Takrifan *Siyasah Shar'iyah* bukan terhad kepada pemimpin negara semata-mata tetapi lebih luas daripada itu. Ia mencakupi kegiatan-kegiatan pemimpin gerakan Islam yang berazam menegakkan negara Islam di negara bukan Islam atau kegiatan-kegiatan menyempurnakan pelaksanaan syariah dalam sebuah negara yang tidak melaksanakan syariah secara menyeluruh seperti menubuhkan parti, memilih calon bertanding pilihanraya, bertanding dalam pilihanraya dan mengadakan *tahalluf siyasi* (pakatan parti-parti politik).

Ruang lingkup ini sejajar dengan takrifan yang dikemukakan oleh Ibn Farhun al-Maliki (799 H) bahawa satu *tariqah* (cara) yang digunakan bagi mencapai *Maqasid al-Shari'ah*.²⁰ Beliau menjelaskan *Siyasah Shar'iyah* adalah suatu metodologi yang diguna pakai bagi memenuhi Maqasid Shar'iyah. Oleh hal yang demikian, *Siyasah Shar'iyah* merupakan suatu sistem khusus yang diasaskan oleh syarak demi menjamin kemaslahatan dan menghindarkan keburukan sama ada pada agama, nyawa, akal, harta dan keturunan.

KEPENTINGAN METODOLOGI SIYASAH SHAR'IYYAH

Islam memberikan perhatian yang komprehensif dalam soal kenegaraan, termasuk dalam isu kepemimpinan kerana mereka adalah individu penting

¹⁹ 'Abd al-Wahhab Khallaf (1987), *al-Siyasah al-Shar'iyah wa Nizam al-Dawlah al-Islamiyyah fi Shu'un al-Dusturiyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 7.

²⁰ Prof. Madya Dr. Shukeri Mohammad, "*Siasah Shar'iyah Dalam Membentuk Gagasan Fiqh Masyarakat Majmuk*", h. 6, Kertas Kerja Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam, 23-24 Disember 2009. Shah Alam: Dewan Annex, Pejabat SUK Kerajaan Selangor.

yang dianugerahkan kuasa politik bagi pihak Allah S.W.T di muka bumi. Mereka adalah watak utama yang dipertanggungjawabkan dalam memastikan seluruh perjalanan sistem negara Islam menepati syariah. Ibn Taymiyyah (661H-728H) menekankan kepentingan menguasai ilmu *Siyasah Shar'iyah* kepada pemerintah, orang yang memegang amanah dan juga rakyat, iaitu:²¹

السِّيَاسَةُ الْإِلَهِيَّةُ وَالْإِبَالَةُ النَّبَوِيَّةُ لَا يَسْتَعْنِي عَنْهَا الرَّاعِي وَالرَّعِيَّةُ

Maksudnya: "*Siyasah Ilahiyyah (kepimpinan politik menurut kehendak syarak) dan petunjuk kenabian adalah sangat diperlukan oleh pemerintah dan rakyat*"

Kepentingan kepada pemerintah dan orang memegang amanah ialah:

- i) Membekalkan kemampuan mentadbir negara menurut syariah berdasarkan sistem pentadbiran negara Islam secara menyeluruh.
- ii) Menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang efisien, menyeluruh, adil dan saksama kepada masyarakat berdasarkan kemaslahatan dan menghindarkan kemudaratannya.
- iii) Mengawal tindak-tanduk pemerintah atau orang memegang amanah awam dan pendekatan yang diambil selaras dengan ajaran Islam.

Manakala kepentingan *Siyasah Shar'iyah* kepada rakyat ialah:

- i) Menunaikan kewajiban terhadap Allah S.W.T membentuk masyarakat Islam dan negara Islam yang berjalan di dalamnya syariah secara syumul.
- ii) Membantu, mengawasi, melancar dan mempertahankan pelaksanaan syariah oleh pihak pemerintah.
- iii) Menikmati kesejahteraan, keadilan, kesaksamaan dan kemerdekaan hidup yang hakiki di bawah naungan syariah.

Kepentingan *Siyasah Shar'iyah* bagi rakyat dan pemerintah di atas sejajar dengan penegasan Dr. Yusuf al-Qaradawi bahawa setiap orang muslim – sebagaimana dibentuk oleh Islam dengan akidah, syariah dan pendidikannya – pasti memiliki unsur-unsur politik, kecuali pemahaman terhadap agamanya salah.²² Ilmu ini menjamin kerjasama dan perpaduan antara kerajaan dan rakyat. Rakyat diberikan panduan tepat memilih pemimpin yang benar-benar layak, pedoman mentaati pemerintah dan menilai tindak-tanduk pemerintah sama ada bertepatan dengan tuntutan

²¹ Ibn Taymiyyah (t.t), *al-Siyasah al-Shar'iyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'iyah*. Mesir: Dar al-Iman, h. 11.

²² Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi (2009), *Agama dan Politik* (terj. Ibnu Sham). Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise, h. 83.

syariah atau sebaliknya. Rakyat mampu menasihati pemerintah dengan betul, manakala pemerintah sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik dan menyedari bahawa pemerintahannya diawasi oleh rakyat.

(i) Pengundi Berkuasa Memilih Pemimpin

Dalam realiti sistem politik di Malaysia, setiap warga negara Malaysia tanpa mengira agama, bangsa, pendidikan, jantina dan kedudukan yang berumur 21 tahun ke atas diberikan dua hak untuk mengundi dalam pilihan raya. Satu undi bagi memilih ahli Dewan Undangan Negeri dan satu undi lagi bagi memilih ahli Dewan Rakyat di peringkat persekutuan²³ yang diadakan dalam tempoh setiap lima tahun. Hak pengundian seperti ini menyebabkan setiap wakil rakyat atau parti mempunyai peluang yang sama untuk bertanding dan menang. Sekali gus, umat Islam di negara ini terpaksa menerima hakikat bahawa mereka perlu bertarung dalam usaha untuk memartabatkan Islam. Hakikat ini telah mengheret umat Islam di negara ini ke dalam satu persoalan baru yang rumit yang belum pernah dihadapi sebelum kuasa-kuasa Barat menjajah negara-negara Islam. Setiap pengundi ditarik ke dalam gelanggang politik sama ada rela atau tidak.

Dalam sejarah negara Islam yang terawal, sistem pemilihan khalifah sebagai pemimpin tertinggi negara Islam hanya diputuskan oleh golongan *Ahl al-Hall wa al-'Aqd* melalui majlis syura atau majlis pemilihan khalifah seperti pemilihan khalifah Abu Bakar r.a, khalifah Umar r.a, Uthman r.a, dan Ali r.a. Selepas itu, jawatan khalifah mulai diwarisi secara monarki di sepanjang kerajaan Bani Umawiyah yang berakhir pada tahun 130 hijriyyah dan demikian juga di sepanjang pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyyah (131H-656H). Ini menunjukkan bahawa dalam sejarah awal kerajaan Islam, rakyat secara keseluruhan tidak terlibat secara langsung dalam pemilihan khalifah. Oleh hal yang demikian, isu pilihan raya seperti yang dilaksanakan dalam negara moden hari ini tidak berbangkit dalam perbahasan ulama sebelum tahun 1950-an.

Berdasarkan realiti ini, penggunaan metodologi *Siyasah Shar'iyah* adalah suatu yang tidak dapat dielakkan, malah amat penting dan ketara kerana isu pilihan raya ini tidak terdapat dalam nas-nas yang soreh dan dalam peringkat *salafusoleh*. Ia sebaliknya merupakan satu isu komtemporari, di mana ia telah diputuskan melalui ijtihad demi untuk mencapai *Maqasid al-Shar'iyah*.

²³ Teuku Iskandar et al. (1996), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1037.

Menurut prinsip Islam, menubuhkan sebuah negara Islam dan memartabatkan syariah secara komprehensif adalah tanggungjawab agama, bukan sekadar tanggungjawab kepada tanah air semata-mata, di mana ia merupakan suatu tuntutan fardu kifayah.²⁴ Pada asasnya, urusan ini termasuk dalam katogeri ibadat umum yang diberikan ruang untuk melenturnya menurut kemaslahatan zaman tertentu, lokasi tertentu, masyarakat tertentu dan budaya tertentu. Syarak menyerahkan urusan ini kepada *Siyasah Shar'iyah* untuk mengurus tadbir negara Islam supaya selaras dengan *Maqasid Shar'iyah*.

Dalam konteks hukum wajib mendirikan kerajaan Islam dan penggunaan *Siyasah Shar'iyah* sebagai metodologi bertindak, ulama muktabar semasa seperti Hassan al-Banna²⁵ dan Dr. Yusuf al-Qaradawi,²⁶ telah berijtihad bahawa wajib menyertai pilihan raya dalam sistem demokrasi yang dijalankan di kebanyakan negara umat Islam hari ini walaupun ia berasal daripada Barat. Ini kerana didapati keadah bertanding dalam pilihan raya adalah jalan paling kurang kemudharatan dan masih memberi ruang untuk mendaulatkan negara dan syariah walaupun dalam keadaan yang sama terdapat banyak keburukan.²⁷ *Ijtihad siyasi* ini melalui pertimbangan-pertimbangan komprehensif tentang *maslahah* dan *mafsadah* di bawah kaedah usul fiqh yang induk:²⁸

مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

Maksudnya: "Sesuatu perkara yang (apabila) tidak sempurna perkara yang wajib kecuali dengannya, maka ia (juga) menjadi wajib".

Di bawah kaedah induk di atas bernaung beberapa kaedah lain seperti (ارْتِكَابُ أَحْفَ الضَّرَرَيْنِ) iaitu "mengambil kemudharatan yang terlebih ringan daripada dua kemudharatan"; (مَا لَا يُدْرِكُ كُلُّهُ لَا يُتْرَكُ جُلَّةً) iaitu

²⁴ Ahmad bin Muhammad al-Mawardi (t.t), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. h. 5. Harun Taib (1981), *Kuasa Pemerintahan Islam*. Kuala Terengganu: Institut Berakan, h. 57.

²⁵ Dr. M Abdul Qadir Abu Faris (2011), *Fiqh Politik Hassan al-Banna*. Kuala Lumpur: Mutiara Ilmu Selekt, h. 30.

²⁶ Dr. Yusuf al-Qaradawi (2009), *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam* (cetakan keenam). Kaherah: Dar al-Syuruq, h. 130-146.

²⁷ Fatwa MAJLIS SYURA PUSAT "MASYUMI" Jakarta: 10 Jamadil Akhir 1372, 24 Februari 1953 sebagaimana yang terkandung di dalam: K.H.M Isa Ansory (1989), *Kewajipan Umat Islam Dalam Pilihan Raya* (cetakan kedua). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 97-103.

²⁸ Dewan Ulama Pas Negeri Terengganu (2012). *Islam: Tuntutan & Kewajipan*. T.tp: T.pt, h. 62.

"sesuatu yang tidak mampu diperoleh kesemuanya, janganlah ditinggalkan kesemuanya pula" dan (دَرْءُ الْمَفْسَدَةِ مُقَدَّمٌ عَلَى حَلِّ الْمَصْلَحَةِ) iaitu "menolak kerosakan adalah didahulukan berbanding menarik kemaslahatan". Penggunaan keadah-kaedah fiqh ini dapat dilihat melalui fatwa Syeikh Abdul Aziz bin Baz, mufti Arab Saudi yang menjelaskan bahawa jika sesebuah kumpulan mempunyai kekuatan untuk mengambilalih kuasa bagi membentuk sebuah pemerintahan yang soleh dan lebih baik tanpa membabitkan sebarang kemusnahan terhadap orang Islam, maka hal tersebut adalah diharuskan.²⁹

Berdasarkan metodologi *Siyasa Shar'iyah* di atas, keperluan menubuhkan parti dalam pilihan raya bertujuan merealisasikan negara Islam adalah juga *fardu kifayah*, bukannya berdasarkan kepentingan politik semata-mata seperti yang disalahfahami oleh segelintir umat Islam. Hakikatnya, parti dalam sistem demokrasi adalah menjadi sumber kekuasaan kerajaan.³⁰ Begitu juga berlaku kewajipan dalam bentuk baru, di mana umat Islam yang layak mengundi wajib mendaftar sebagai pengundi dan wajib keluar mengundi.³¹

Oleh hal yang demikian, sistem pilihan raya perlu dimanfaatkan untuk merealisasikan pelaksanaan syariah melalui kuasa kenegaraan, sekali gus melepaskan taklif syarak. Ini bermakna satu bentuk medan *jihad politik* atau *jihad siyasi* telah terbina. Ini kerana umat Islam dituntut berjuang dan bersaing dengan golongan-golongan yang menentang atau menghalang gagasan negara Islam. Rententan ini terbit pula kewajipan baru iaitu menubuhkan harakah, jemaah, parti, persatuan yang mengukuhkan dan memantapkan perjuangan demi untuk menegakkan negara Islam.

PANDUAN SIYASAH SHAR'IYYAH TERHADAP PEMILIHAN PEMIMPIN

Berdasarkan keyakinan metodologi bertindak menurut kecerdasan intelektual, emosi dan spiritual yang didasari bimbingan wahyu, maka

²⁹ Dr. Khalid Ali Muhammad al-Anbari (2008), *Sistem Politik Islam*. (terj. Zahazan Mohamed). Kuala Lumpur: Telaga Biru, h. 269.

³⁰ Dr. Abu al-Maati Abu al-Futuh (1990), *Islam, Politik dan Pemerintahan* (terj. Mohd Akhir Ya'cob). Shah Alam: Penerbitan Hizbi, h. 51.

³¹ Dr. Yusuf al-Qaradawi (2009), *op. cit.*, h. 128 dan Dewan Ulama Pas Negeri Terengganu (2012), *op. cit.*, h. 61.

terhasilah wacana ilmiah bagi memahami pemimpin negeri dan negara yang paling layak menerajui negara ke arah kesejahteraan hakiki.

i) Konsep Penubuhan Negara

Asas pertama menentukan pemilihan pemimpin ialah merujuk kepada model negara yang ingin dibangunkan.³² Sehubungan dengan itu, seluruh rakyat khususnya pengundi perlu didedahkan secara mendalam dan menyeluruh tentang konsep negara yang terbaik bagi menjamin masa depan yang gemilang.

Banyak model negara pernah diilhamkan dalam sejarah dunia, bermula model feudal, monarki, aristokrasi, teokrasi dan demokrasi.³³ Namun, model negara berideologi Islam³⁴ adalah model negara terulung dalam sejarah dunia dan menjadi impian³⁵ di sepanjang zaman.³⁶ Ini kerana hanya Islam satu-satunya "*way of life*" yang menghimpunkan agama dan negara, menyeimbangkan keperluan rohani dan jasmani, menyatukan hubungan manusia dengan Maha Pencipta, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam, sekali gus menjamin kemaslahatan dunia dan akhirat.³⁷

Islam mempunyai ilmu yang cukup dan komprehensif untuk sesiapa merujuk tentang konsep negara. Minat Islam yang tidak berbelah bagi terhadap negara dapat dibuktikan dengan tuntutan membentuk negara

³² Ibn Taymiyyah (t.t), *op. cit.*, h. 28.

³³ Sivachandaralingam Sudara Raja dan Ayadurai Lectchumanan (1999), *Tamadun Dunia*, Shah Alam: Fajar Bakti, h. 91-93.

³⁴ Istilah negara berideologi Islam merujuk kepada Islam boleh menerima apa juga nama negara yang sesuai menurut keadaan dan tempat tertentu seperti Negara Aman atau Negara Adil atau Negara Kebajikan atau Negara Tayyibah dengan syarat prinsip-prinsip kenegaraan Islam dipraktikkan. Rasulullah SAW tidak menyandarkan negaranya dengan Islam tetapi menamakan al-Madinah al-Munawwarah (Negara Bercahaya).

³⁵ Negara yang dibina berteraskan akidah dan syariat Islam turut dinikmati masyarakat jin, haiwan dan alam sekitar. Antara buktinya, pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang adil menyebabkan negaranya dilimpahi rahmat Allah S.W.T sehingga binatang pemangsa seperti serigala didapati makan bersama-sama dengan kambing di satu padang rumput dalam keadaan aman. Namun, selepas kematian beliau, serigala bertukar menjadi ganas kembali lalu membaham kambing-kambing orang ramai.

³⁶ Sir George Bernard Shaw (1936), *The Genuine Islam*, vol. 1, h. 8.

³⁷ Haron Taib (1979), *Kuasa Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Badar Enterprise, h. 1.

adalah suatu tuntutan darurat.³⁸ Ia memikul visi negara Islam untuk menjadi sebuah negara terbaik lagi berkualiti yang mana pemimpin dan rakyat mendapat jaminan, keberkatan, rahmat dan keampunan daripada Allah S.W.T sebagaimana firmanNya:

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Maksudnya: "Negara yang *tayyibah* (baik lagi berkualiti) dan Tuhan Yang Maha Pengampun." (Saba' (34): 15)

Matlamat dan visi negara Islam direalisasikan melalui misi *Siyasah Shar'iyah* yang bertindak sebagai suatu sistem pengurusan, pentadbiran, pemerintahan yang terbaik khusus kepada pemimpin, kakitangan kerajaan atau swasta atau sesiapa sahaja yang diberikan amanah kepimpinan demi kemaslahatan di dunia dan juga akhirat.³⁹ Negara Islam menawarkan keadilan, kebajikan dan kesejahteraan⁴⁰ yang dirumuskan melalui prinsip:

تَصَرَّفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالصَّلَاحِ

Maksudnya: "Pentadbiran ketua negara (pemerintah) ke atas rakyat (hendaklah) berpaksikan masalah"

Negara ideologi Islam adalah satu negara amanah yang diwakilkan kepada pemerintah⁴¹ yang didirikan di atas asas-asas akidah, syariat dan akhlak. Negara bukanlah matlamat tetapi hanyalah satu wasilah yang tidak dapat dielakkan bagi mencapai kesejahteraan hidup bermasyarakat melalui pentadbiran yang adil demi mencapai keredhaan Allah S.W.T. Justeru itu, maka negara Islam wajib dibentuk dan dipertahankan dengan nyawa, harta dan tenaga sehingga kegiatan-kegiatan ini termasuk dalam kategori jihad.

Berdasarkan tujuan penubuhan negara ini, pilihan yang paling tepat kepada pemimpin dan rakyat ialah model negara berideologi Islam sahaja. Ini kerana negara sekular dan sosialis atau yang bercabang daripadanya sama sekali tidak sesuai kerana ideologi sekular dan sosialis menggunakan kecerdasan intelektual dan emosi sahaja. Negara ini mengenyepikan kecerdasan spritual dan bimbingan wahyu. Begitu juga model negara demokrasi Barat juga tidak sesuai kerana ia berasaskan

³⁸ Dr. Tawfiq al-Wa'i (1996), *al-Dawlah al-Islamiyyah Bayn al-Turath wa al-Mu'asirah*. Beirut: Dar Ibn Hazm, h. 12.

³⁹ Dr. Muhammad 'Umarah (2005), *op. cit.*, h. 13.

⁴⁰ Ibn Taymiyyah (t.t), *op. cit.*, h. 19 dan Prof. Madya Dr. Shukeri Mohammad, "Siasah Shar'iyah Dalam Membentuk Gagasan Fiqh Masyarakat Majmuk", *op. cit.*

⁴¹ Dr. Muhammad 'Umarah (2005), *op. cit.*

konsep kekuasaan rakyat yang memberikan manusia menentukan segala-galanya menyebabkan peranan agama dalam negara dipinggirkan.

ii) Tanggungjawab Pemimpin

Asas seterusnya yang perlu difahami ialah apakah peranan dan tanggungjawab pemimpin. Berdasarkan kefahaman ini, masyarakat diberikan skema untuk membimbing mereka membuat pilihan calon yang tepat. Para ulama muafakat bahawa "mengembangkan dan memelihara agama Islam" adalah tanggungjawab pertama dan terbesar negara.⁴² Ini kerana wilayah kekuasaan kerajaan yang berideologi Islam adalah amanah Allah S.W.T ke atas pemimpin. Ibn Khaldun (1332M-1406M) menjelaskan tanggungjawab pemimpin ialah:⁴³

حَمْلُ الْكَافَّةِ عَلَى مُقْتَضَى النَّظَرِ الشَّرْعِيِّ فِي مَصَالِحِهِمُ الْآخِرِيَّةِ
وَالدُّنْيَوِيَّةِ

Maksudnya: "Memimpin seluruh manusia menurut prinsip Maqasid Syariah dalam (memenuhi) kemaslahatan ukhrawi dan juga kemaslahatan duniawi mereka".

Kerajaan telah diarahkan oleh Allah S.W.T supaya menyediakan ruang yang luas dan jaminan rasmi kepada pelaksanaan syariah secara menyeluruh sehingga umat Islam mampu mengamalkan cara hidup Islam seperti mana yang mereka imani. Dalam masa yang sama, kerajaan bertanggungjawab menyebarkan dakwah, meneruskan misi membebaskan masyarakat daripada kesyirikan dan kekufuran, serta menyekat segala unsur yang mengancam keimanan. Firman Allah S.W.T:

وَقَتِّلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ

Maksudnya: "Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada lagi fitnah dan cara hidup itu hanya semata-mata untuk Allah". (Surah al-Baqarah (2): 193)

Di samping itu, terdapat beberapa tanggungjawab besar pemimpin, antaranya memelihara perpaduan dan keamanan ummah, melantik jemaah menteri dan kakitangan awam yang terbaik bagi melicinkan pemerintahan negara, mewujudkan sistem pentadbiran yang amanah, adil, cekap dan telus, menyediakan ketenteraan dan kepolisian yang mampu mengawal

⁴² Al-Mawardi (t.t), *op. cit.*, h. 15.

⁴³ Bu Ibrahim (2006), *Nadwah al-Qada' al-Shar'i fi al-'Asr al-Hadir*. T.pt: T.tp.

keamanan dan mempertahankan agama, masyarakat dan negara dari ancaman dalaman dan luaran, menyediakan sistem kewangan Islamik seperti pinjaman, gadaian, sewa dan membanteras perjudian, "along", riba dan mengambil harta secara batil, menyediakan peluang pendidikan yang holistik ke arah melahirkan modal insan yang soleh dan muslih, mewujudkan peraturan-peraturan, garis panduan, undang-undang, penguatkuasan, kehakiman, mentadbir dan membangunkan sumber asasi awam seperti tanah, air, udara dan sumber-sumber kekayaan negara seperti petroleum, hutan, emas, pertanian dan lain-lain, menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan prasarana, menyediakan peluang-peluang pekerjaan, membanteras jenayah dan mengenakan hukuman yang sesuai sama ada hudud, qisas dan takzir, melaksanakan tugas hisbah, amar makruf dan nahi mungkar yang bertujuan untuk memastikan adab-adab, akhlak dan syiar Islam serta peraturan-peraturan yang diwujudkan untuk kesejahteraan masyarakat dapat ditegakkan.

Berdasarkan tanggungjawab di atas jelas menunjukkan asas utama penilaian pemimpin ialah sejauh mana kebertanggungjawaban mereka terhadap agama Islam dan perlaksanaannya. Sejauh mana kepercayaan untuk rakyat menyandarkan bahawa pemimpin menjadi pemelihara agama. Ini selaras dengan keyakinan bulat bahawa keteguhan, kestabilan, kemakmuran negara amat berkait rapat dengan sejauh mana komitmen dan keikhlasan kerajaan dalam pelaksanaan syariah. Manakala urusan fizikal, kebendaan dan metarial adalah urusan ranting yang bercabang daripada asas keagamaan.

iii) Syarat Kelayakan Pemimpin

Penekanan kepada asas ini perlu diberikan perhatian serius lantaran fitnah kegilaan ingin menjadi pemimpin telah menjadi wabak. Dr. Muhammad al-Sayyid al-Wakil menegaskan hukum melantik pemimpin negara adalah kewajipan berdasarkan hukum syarak.⁴⁴ Justeru itu, para pengundi tidak boleh mengundi secara bertaqlid buta tanpa mengambil kira pandangan syarak.

Umumnya, syarat kelayakan pemimpin dipecahkan kepada dua iaitu syarat asas dan syarat pelengkap. Syarat asas kelayakan pemimpin ialah Islam, baligh, berakal, lelaki,⁴⁵ merdeka dan sihat sejahtera daripada kecacatan yang menjejaskan tanggungjawab.

⁴⁴ Dr. Muhammad al-Sayyid al-Wakil (t.t), *al-Qiyadah wa al-Jundiyyah fi al-Islam*. h. 84.

⁴⁵ Ulama telah bersepakat mengharamkan wanita dilantik sebagai ketua negara. Tetapi ulama berbeza pendapat berkenaan hukum melantik wanita dalam kepimpinan lain

Manakala syarat pelengkap ialah bertaqwa, berakhlak atau bermoral iaitu memiliki akhlak yang istiqamah, suci dan dihormati. Ini kerana tabiat ahli fasik terdedah melakukan kerosakan di muka bumi sama ada secara sedar atau tidak. Sifat taqwa adalah benteng paling ampuh menyelamatkan pemimpin daripada fitnah-fitnah kerajaan yang sangat dahsyat seperti harta, kuasa, wanita, kronisme dan pangkat.

Syarat seterusnya ialah mempunyai ilmu berkenaan hukum-hukum Islam (الْعِلْمُ بِأَحْكَامِ الشَّرِيعَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ). Ibn Taymiyyah berpendapat bahawa syarat kelayakan ini adalah sangat penting kerana rujukan kerajaan Islam adalah bersumberkan wahyu dan penggunaan kaedah ijtihad yang difahami secara mendalam oleh golongan ulama. Dr. Yusuf al-Qaradawi pula mengutarakannya bahawa pemimpin Islam sewajarnya seorang yang mendalami hukum syarak, berkeupayaan menggali hukum-hakam sehingga ke tahap ijtihad seperti *al-Khulafa' al-Rashidin* yang terdulu dan orang yang menuruti jalan mereka.

Di samping memenuhi syarat-syarat di atas, sifat ketajaman politik dan keberanian juga diperlukan bagi membolehkan pemimpin membaca iklim politik dan meneroka pembaharuan. Rasulullah SAW tidak melantik Abu Dzar r.a walaupun beliau seorang yang warak kerana kelemahan beliau dalam aspek kepimpinan.

Pemilihan pemimpin, terutama pucuk pimpinan tertinggi adalah penentu kepada corak pemerintahan negara. Ini membuktikan bahawa keutamaan ketua negara hendaklah diberikan kepada mujtahid atau ulama yang memiliki kewibawaan kepimpinan kerana mereka adalah waris para

seperti ahli parlimen, kementerian dan lain-lain kerana perselisihan tentang konsep "qawwamah" dalam firman Allah S.W.T: "الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ" golongan lelaki adalah pemimpin kepada wanita dan hadith sahih yang menyebut: (لَنْ يَفْلَحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَفْرَأَهُمْ) "Selama-lamanya tidak akan berjaya kaum yang berketuakan wanita". Pendapat pertama terdiri Imam al-Haramayn al-Juwayni, Dr. Abd al-Karim Zaidan dan Lujnah Fatwa Mesir mengharamkannya kerana zahir larangan nas. Manakala pendapat kedua pula dipelopori oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi dan Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti yang mengharuskan penglibatan wanita kerana konsep qawwamah lelaki dalam ayat di atas ialah dalam rumah tangga dan peringatan Rasulullah SAW bahawa "sesuatu kaum yang melantik wanita sebagai ketua tidak akan berjaya" adalah khusus kepada jawatan ketua negara, bukannya jawatan lain. Keharusan ini sangat terikat dengan syarat-syarat tertentu seperti aman daripada fitnah, selamat dan lain-lain. Lihat: Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2009), *Wanita sebagai Calon Piliharaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 36-39.

nabi a.s yang memahami hukum-hakam syarak. Jika dalam keadaan tertentu, ciri-ciri ulama itu tidak terserlah tetapi ia memiliki kewibawaan lain di samping menunjukkan keikhlasan yang tinggi terhadap agama Islam, maka ia boleh diberikan kepercayaan.

iv) KAEDAH PEMILIHAN PEMIMPIN MENURUT SIYASAH SHAR'IIYAH

Dalam Islam pemimpin sering dikaitkan dengan dua istilah, iaitu "imam" atau "khalifah". Imam dipetik daripada kepemimpinan imam dalam mengimani solat, di mana makmum (rakyat) akan mematuhi segala pimpinan imam. Pada zaman *al-Khulafa' al-Rashidin* kaedah ini digunakan dalam menentukan kelayakan pemimpin. Manakala istilah "khalifah" mengambil sempena menggantikan tugas-tugas Rasulullah SAW memelihara agama dan mentadbir urusan duniawi selaras dengan *Maqasid al-Shari'ah* (objektif syariat Islam).

Contoh terbaik mempelajari kaedah memilih pemimpin adalah teladan Ansar dan Muhajirin ketika berselisih dalam menentukan siapakah yang akan menggantikan Rasulullah SAW kerana baginda tidak meninggalkan wasiat yang jelas berkenaan calon penggantinya. Kaum Ansar pada awalnya berhimpun di *Saqifah Bani Sa'adah* dan bercita-cita untuk melantik Sa'ad bin 'Ubadah r.a sebagai khalifah. Namun, mereka akhirnya memilih Abu Bakar r.a berasaskan beberapa kaedah di bawah:

- i) Asas pemilihan pemimpin berdasarkan watak atau keperibadian dalam al-Quran. Pemilihan Abu Bakar r.a bukan semata-mata kerana beliau merupakan sahabat utama Rasulullah SAW tetapi kerana keunggulan keperibadian dan kepimpinannya sehingga Allah S.W.T memujinya dalam al-Quran, khususnya ketika bersembunyi dalam gua Thur. Begitu juga Umar r.a sewaktu beliau menjadi khalifah akan memberikan keutamaan pemimpin kepada individu yang disebut kisah mereka dalam al-Quran seperti Abu 'Ubaydah bin 'Amir bin 'Abdullah al-Jarrah.⁴⁶

⁴⁶ Firman Allah S.W.T:

لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ
كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ
الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٍ مِّنْهُ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ

- ii) Asas kepimpinan dan kepercayaan dalam urusan agama, khususnya solat, Abu Bakar r.a diberikan kepercayaan mengimani solat ketika Rasulullah SAW sakit sedangkan tiada siapa pernah menggantikan Rasulullah SAW mengimani solat ketika baginda hadir dengan sabdanya:

مُرُوا أَبَا بَكْرٍ فَلْيُصَلِّ بِالنَّاسِ

Maksudnya: "Kamu perintahkanlah Abu Bakar, maka hendaklah ia mengimani solat kepada orang ramai".

Ini menunjukkan kepimpinan dinilai berdasarkan kepimpinan solat yang menjadi tiang agama. Berdasarkan kaedah ini para sahabat telah ijmak melantik Abu Bakar r.a sebagai khalifah seraya mereka berkata:

رَضِيَ رَسُولُ اللَّهِ أَبَا بَكْرٍ فِي أُمُورِ دِينِنَا وَهِيَ أَكْبَرُ، أَفَلَا نَرْضَاهُ فِي أُمُورِ دُنْيَانَا وَهِيَ أَصْغَرُ

Maksudnya: "Rasulullah SAW meredai Abu Bakar dalam urusan agama kita sedangkan ia terlebih besar, maka apakah kita tidak meredai beliau dalam urusan dunia kita sedangkan ia terlebih kecil".

فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ أُولَئِكَ حِزْبُ اللَّهِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: "Engkau (wahai nabi Muhammad) tidak akan dapati satu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat berkasih sayang dengan mereka yang menentang Allah dan rasul-Nya, sekalipun mereka adalah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka atau adik-adik mereka atau kaum kerabat mereka. Mereka itu Allah telah memahatkan keimanan yang mendalam di dalam hati-hati mereka dan Allah telah mengukuhkan mereka dengan roh dariNya. Dia akan memasukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya, Allah meredai mereka dan mereka pula meredai Allah; itulah parti Allah, ketahuilah sesungguhnya parti Allah itulah yang akan mendapat kemenangan." (Surah al-Mujadilah (58): 22)

Ibn Kathir menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan kepada Abu 'Ubaydah r.a yang telah membunuh bapanya dalam peperangan Badar. Dengan turunnya ayat ini, 'Umar r.a menyanjung tinggi Abu 'Ubaydah dengan berkata: "Jika Abu 'Ubaydah masih hidup, nescaya daku melantiknya menjadi khalifah".

Inilah cara para sahabat yang mendapat petunjuk memilih dan melantik pemimpin mereka berdasarkan siapa yang paling hampir dengan keperibadian al-Quran dan kepimpinan agama. Metodologi ini terbukti melahirkan pemimpin hebat sehingga setiap keputusan ijtihad Khulafa al-Rasyidin diiktiraf sebagai suatu sunnah yang perlu dijadikan rujukan selepas sunnah Rasulullah SAW.⁴⁷ Tetapi malangnya pada zaman yang penuh fitnah ini, umat Islam memilih pemimpin berdasarkan kelayakan keduniaan, bukan kerana keagamaannya, lantas pemerintahannya banyak kerosakan berbanding kebaikan.

v) Kewajipan Memilih Calon Pemimpin Terbaik

Memilih pemimpin adalah wajib dan satu amanah yang berat. Pelaksananya wajib mematuhi panduan syarak bagi menjamin kewibawaan kepimpinan Islam. Ibn Taymiyyah⁴⁸ menggariskan kaedah memilih pemimpin atau orang yang memegang amanah dalam setiap pekerjaan dengan wajib mendahului "yang terbaik" berdasarkan petunjuk Rasulullah SAW:⁴⁹

مَنْ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا مِنْ عَصَابَةٍ وَفِي تِلْكَ الْعَصَابَةِ مَنْ هُوَ أَرْضَى اللَّهُ
مِنْهُ فَقَدْ خَانَ اللَّهَ وَخَانَ رَسُولَهُ وَخَانَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: "Sesiapa yang melantik seorang lelaki dari keluarganya (berasaskan kronisme) padahal dalam kaum itu terdapat orang yang lebih baik di sisi Allah daripadanya, maka sesungguhnya dia telah mengkhianati Allah dan mengkhianati rasul-Nya dan mengkhianati orang-orang mukmin".

Kewajipan di atas mencakupi dua bahagian, iaitu kewajipan rakyat memilih pemimpin yang terbaik untuk menerajui pemerintahan negara dan kewajipan ke atas pemimpin yang dilantik pula melantik menteri-menteri, ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, kakitangan-kakitangan sehinggakan pemilihan pengawal-pengawal pintu yang terbaik sesuai dengan amanah perjawatan yang diberikan.

⁴⁷ Maksud sabda Rasulullah SAW: "Berpeganglah kamu kepada sunnahku dan sunnah al-Khulafa' al-Rashidin yang diberikan hidayat." Sunan al-Tirmizi: 2676. Hadith sahih.

⁴⁸ Ibn Taymiyyah (t.t), *op. cit.*, h. 15 -35.

⁴⁹ Al-Mustadrak li al-Hakim: 7023. Hadith Sahih.

Dalam proses pemilihan tersebut, dua ciri perlu diberikan perhatian, iaitu kekuatan (القُوَّة) dan amanah (الأَمِين) berdasarkan firman Allah S.W.T:⁵⁰

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَأْبَىٰ اسْتَجِرُّهُ ۖ إِنِّي خَشِيتُ أَنْ تَسْتَجِرَّ الْقَوِيُّ
الْأَمِينُ

Maksudnya: "Berkata salah seorang daripada dua puteri (nabi Shu'ayb), wahai ayahnda ambillah dia (nabi Musa) berkerja kerana sesungguhnya sebaik orang yang ayahnda mengambil berkerja ialah seorang yang (memiliki) kekuatan dan amanah." (Surah al-Qasas (28): 26)

Ciri kekuatan dan amanah adalah disesuaikan menurut keperluan perjawatan. Kekuatan pemimpin ialah keberanian, ketegasan, ketajaman dan kebijaksanaan. Kekuatan dalam ketenteraan pula ialah keberanian, kehandalan dan kebijaksanaan, terutama strategi peperangan yang banyak muslihat. Manakala ciri amanah pula merujuk kepada sifat-sifat ketakutan kepada Allah S.W.T iaitu taqwa, di mana kedauletan, ketundukan dan kepatuhan hanyalah kepada Allah S.W.T. Ia tidak taat dalam perkara maksiat dan tidak takutkan manusia.

Untuk mendapati calon terbaik yang terhimpun dalam dirinya kedua-dua ciri kekuatan dan ciri amanah serentak adalah begitu sukar. Kebanyakan calon menonjol salah satu daripada dua ciri tersebut. Maka dalam situasi ini wajib ia berpindah kepada memilih calon yang baik. Namun jika tidak didapati calon yang baik serta tidak juga diperolehi calon yang kurang baik, maka hendaklah memilih salah satu yang paling ringan kemudaratannya menurut kemaslahatan perjawatan seperti panduan yang ditunjukkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal:⁵¹

Imam Ahmad ditanya tentang dua lelaki yang kedua-duanya pemimpin dalam peperangan. Salah seorangnya kuat tetapi fasik dan yang satu lagi saleh tetapi daif, maka yang mana satukah di antara kedua-duanya memimpin peperangan. Imam Ahmad menjawab: Adapun yang fasik

⁵⁰ Al-Quran mengukuhkan dua ciri kepimpinan ini sebanyak tiga kali. Pertama dalam kisah Nabi Musa dengan puteri Nabi Shu'ayb. Kedua dalam kisah pelantikan Nabi Yusuf sebagai Ketua Pembendaharaan Mesir dalam surah Yusuf, ayat 54. ketiga ketika Allah S.W.T menyifatkan kepimpinan Jibril a.s selaku ketua malaikat yang menurunkan wahyu dalam surah al-Takwir, ayat 19-21.

⁵¹ Ibn Taymiyyah (t.t), *op. cit.*, h. 27.

dan kuat itu, maka kekuatannya untuk orang-orang Islam dan kefasikannya hanya ke atas dirinya. Adapun yang soleh tetapi daif, maka kesolehan itu kembali kepada dirinya dan kedaiifan itu menjejaskan orang-orang Islam, maka berperanglah kamu bersama-sama yang kuat dan fasik.

Pandangan Iman Ahmad di atas menjelaskan bahawa dalam situasi tertentu, diharuskan melantik seorang yang kurang afdal walaupun dalam masyarakat tersebut terdapat calon yang lebih baik, demi untuk memelihara fitnah dan menjaga urusan ummah terus dijaga dengan betul dengan syarat calon kurang afdal mempunyai kelebihan tertentu bagi keperluan jawatan dan suasana semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Kaedah ini dipraktikkan dalam pelantikan Mu'awiyah bin Abi Sufyan r.a sebagai khalifah. Mu'awiyah r.a mengakui bahawa beliau bukanlah individu terbaik kerana terdapat calon yang lebih baik seperti sayidina Hasan r.a (cucu kepada Rasulullah SAW), Ibn Umar r.a dan Abdullah bin 'Amar r.a, namun beliau adalah individu paling kuat menentang musuh, penguasa yang cekap yang amat diperlukan ketika itu demi menangani perpecahan dan fitnah yang sedang marak.⁵²

vi) Mengenal Pasti Pemilihan Calon Terbaik

Islam menggariskan kaedah pemilihan hendaklah mengikut urutan yang terbaik setelah ketiadaannya, maka berpindah kepada baik dan setelah ketiadaannya, maka berpindahlah kepada yang kurang baik. Namun persoalannya bagaimana kita boleh mengenal pasti calon yang terbaik itu, apakah dasar rujukan dan matlamatnya. Ibn Taymiyyah melengkapkan kaedah mengenal pasti pemimpin terbaik iaitu:

Memilih calon terbaik adalah isu terpenting. Tetapi ia dapat dikenal pasti dengan mengetahui matlamat negara dan mengenal pasti wasilah kepada matlamat. Apabila kita memahami matlamat-matlamat kerajaan dan wasilah-wasilahnya maka kita mendapat formulanya. Kerana itu apabila kerajaan itu bermatlamatkan dunia, bukan agama maka ia akan melantik pemimpin-pemimpin yang akan merealisasikan matlamat-matlamatnya (keduniaan). Sesungguhnya kaedah (pemilihan pemimpin) pada zaman dulu adalah merujuk kepada sesiapa yang mengimani solat Jumaat, jemaah, khutbah merekalah pemimpin yang

⁵² Dr. Khalid 'Ali Muhammad al-Anbari (2008), *op. cit.*, h. 165-166.

dilantik bagi pihak kerajaan. Kerana itulah Rasulullah SAW mendahului Abu Bakar r.a mengimami solat, lantas orang-orang Islam melantiknya menjadi pemimpin. (Ini kerana dasar negara pada zaman al-Khulafa' al-Rashidin ialah negara yang menjadikan Islam sebagai dasar)

Rumusannya, kaedah mengenal pasti calon pemimpin ialah merujuk kepada dasar sesebuah negara atau jabatan atau parti. Dasar itu dan seluruh pendekatannya akan mencorak pemimpin seperti satu bekas yang akan menentukan bentuk air. Tetapi jika negara atau parti itu ditubuhkan di atas dasar nasionalisme, sekularisme atau kapitalisme maka ia akan melantik pemimpin yang mampu menjayakan dasar-dasar berkenaan. Jika sebuah negara atau parti itu ditegakkan di atas dasar Islam, maka ia akan memilih pemimpin yang membuktikan komitmen yang tinggi terhadap agama dan pelaksanaannya.

PENUTUP

Sistem pemilihan pemimpin negara secara pilihan raya telah mengheret setiap pengundi ke dalam amanah yang sangat besar kerana calon yang dikemukakan bakal menentukan masa depan negara. Namun, tanggungjawab ini mampu didepani dengan menyeluruh melalui metodologi *Siyasah Shar'iyah*. Sehubungan itu, masyarakat perlu didedahkan dengan sistem pemilihan menurut metodologi *Siyasah Shar'iyah* demi mewujudkan negara yang adil, sekali gus menjamin kemaslahatan duniawi dan ukhrawi.